

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 1 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

DISEDIAKAN OLEH :-

JAWATAN : KETUA PENOLONG PENGARAH
TARIKH : 7 MAC 2025

DILULUSKAN OLEH:-

Mesyuarat : MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) KHAS
MS ISO 9001:2015 TAHUN 2025 PLANMALAYSIA SELANGOR
Bil. 1/2025

Tarikh : 10 MAC 2025

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 2 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

REKOD PINDAAN			
Adalah menjadi tanggungjawab pemegang dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dinyatakan di dalamnya.			
Tarikh	No. Keluaran	Pindaan	Diluluskan Oleh
1.3.2018	1	Prosedur ini penambahbaikan daripada prosedur MS ISO 9001:2008 yang telah diselaraskan dengan keperluan MS ISO 9001:2015.	Telah diluluskan di dalam mesyuarat MKSP pada 7 Disember 2018.
7.2.2018	2	Menambah keperluan Carta Alir	Telah diluluskan di dalam mesyuarat MKSP pada 7 Disember 2018.
10.6.2020	3	Menggugurkan 3 Daftar Risiko	Telah diluluskan di dalam mesyuarat MKSP pada 10 Jun 2020.
14.6.2021	4.	1. Menggugurkan cadangan menggugurkan tiga (3) Daftar Risiko kerana tidak diterima semasa Pengauditan SIRIM pada tahun 2020. 2. Para 4.3 Mengarah RO atau Pemegang Prosedur membuat pelaporan 3 kali setahun dalam mesyuarat Jabatan berkenaan penyelarasan ke atas aktiviti dan tindakan terhadap risiko tertinggi yang dikategori sebagai high dan extreme di peringkat Jabatan jika ada. 3. Para 4.10 Melaporkan status pelaksanaan dan status keberkesanan 3 kali setahun di Mesyuarat Pengurusan Jabatan atau diwakilkan kepada Pemegang Prosedur untuk melaporkan. 4. Penambahan Daftar Risiko Jabatan dari 14 Kepada 15 Daftar Risiko Jabatan.	Telah diluluskan di dalam mesyuarat MKSP pada 14 Jun 2021.

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 3 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

REKOD PINDAAN			
Adalah menjadi tanggungjawab pemegang dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dinyatakan di dalamnya.			
Tarikh	No. Keluaran	Pindaan	Diluluskan Oleh
2.3.2022	5	1. Meminda pernyataan pada klausa 1.0 OBJEKTIF Pengurusan Risiko . 2. Meminda klausa pada 3.0 PERINCIAN PROSEDUR kepada klausa 3.0 STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO (3.1 Model Pengurusan Risiko). 3. Membuat perincian penerangan bagi klausa 3.0 dengan meminda dan memasukkan klausa-klausa berikut: i. Klausa 3.1 Model Pengurusan Risiko dan Rajah 1: Model Pengurusan Risiko . ii. Klausa 3.2 JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO PLANMALAYSIA@Selangor dan menyertakan carta alir RAJAH 2 STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO . iii. Klausa 3.3 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA 4. Meminda klausa 3.0 PERINCIAN PROSEDUR kepada klausa 4.0 PERINCIAN PROSEDUR dan memperincikan perkara-perkara berikut: i. memperincikan senarai Dokumen Rujukan dan Rekod Kualiti bagi semua peringkat proses di Klausa 4.0. ii. memasukkan formula penilaian risiko di klausa 3.5 iii. memasukkan Klausa 3.10 untuk penyediaan Laporan Keberkesanan Kawalan Risiko Bahagian.	Telah diluluskan di dalam mesyuarat MKSP pada 9 Mac 2022.

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 4 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

		iv. membuat pindaan kepada klausa 4.0 MENGAWAL RISIKO kepada 4.0 PENGAWALAN / RAWATAN RISIKO v. menambah Klausa 5.0 PENILAIAN SEMULA 5. Meminda klausa 6.0 CARTA ALIR PENGENDALIAN RISIKO kepada klausa 5.0 CARTA ALIR PENGENDALIAN PENGURUSAN RISIKO dan meminda keseluruhan carta alir tersebut. 6. Meminda klausa 5.0 SINGKATAN kepada klausa 6.0 DOKUMEN RUJUKAN . 7. Meminda klausa 6.0 DOKUMEN RUJUKAN kepada klausa 7.0 SINGKATAN dan menambah singkatan bagi JPR (Jawatankuasa Pengurusan Risiko) serta menggugurkan singkatan bagi TPPR (Timbalan Pegawai Pengurusan Risiko). 8. Meminda klausa 7.0 REKOD KUALITI kepada klausa 8.0 REKOD KUALITI . 9. Meminda klausa 8.0 SKALA KEBARANGKALIAN kepada SKALA KEBARANGKALIAN JPBD.Sel./PU/05-L1 . 10. Meminda klausa 9.0 SKALA IMPAK kepada SKALA IMPAK JPBD.Sel./PU/05-L2 . 11. Meminda klausa 10.0 SKALA KEUTAMAAN RISIKO kepada SKALA KEUTAMAAN RISIKO JPBD.Sel./PU/05-L3 . 12. Memasukkan Daftar Risiko Jabatan JPBD.Sel./PU/05-L4 .	
--	--	--	--

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 5 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

REKOD PINDAAN			
Adalah menjadi tanggungjawab pemegang dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dinyatakan di dalamnya.			
Tarikh	No. Keluaran	Pindaan	Diluluskan Oleh
27.9.2023	6	Meminda format dan tajuk bagi Daftar Risiko Jabatan (JPBD.Sel./PU/05-B1) kepada Borang Daftar Risiko Jabatan dan Peluang (JPBD.Sel/PU/05-B1) bersesuaian seperti yang disyorkan semasa Kursus Pementapan Pengurusan Risiko Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia Selangor) pada 27 Februari 2023.	
7.3.2025	7	1. Memasukkan Glosari 2. Meminda Klausu 3.2 Rajah 2 dengan menambah Pegawai Pengurusan Risiko (PPR) bagi Pegawai Yang Dilantik. 3. Meminda tajuk Klausu 1.0 kepada PELANTIKAN JAWATANKUASA. 4. Meminda Klausu 1.0 dengan merangkumkan Perkara 1.2 (a dan b) di dalam Klausu 2.1. 5. Meminda tajuk Klausu 2.0 kepada PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO. 6. Meminda Klausu 3.9. 7. Meminda Klausu 4.0 dengan pindaan Perkara 4.5. 8. Meminda Klausu 6.0 dengan meminda Perkara 6.1. 9. Meminda Kod Lampiran JPBD.Sel./PU/05-B01 kepada JPBD.Sel./PU/05-L4 .	Telah diluluskan di dalam mesyuarat MKSP KHAS pada 10 Mac 2025.

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 7 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

SINGKATAN

P	-	Pengarah
TP	-	Timbalan Pengarah
KB	-	Ketua Bahagian
JPR	-	Jawatankuasa Pengurusan Risiko
PPR	-	Pegawai Pengurusan Risiko
CriO	-	<i>Chief Risk Officer</i>
RC	-	<i>Risk Champion</i>
RO	-	<i>Risk Officer</i>

GLOSARI

Daftar Risiko	Risiko dijangka dan sedia ada yang didaftarkan.
Standard AS/NZ 4360	Method mengenalpasti risiko yang menggunakan <i>Australian / New Zealand Risk Management Standard (AS/NZS 4360:2004)</i> .
Kebarangkalian (F)	Menilai kebarangkalian risiko berlaku.
Skala Impak (I)	Menilai impak sekiranya risiko berlaku.
Tahap Risiko	Kebarangkalian (F) x Skala Impak (I).
Signifikan	Menilai risiko yang didaftarkan kepada dua (2) tindakan berikut: - Ya (Y) - Perlu ambil tindakan sekiranya masih belum ada kawalan sediaada di dalam proses atau kawalan masih belum mencukupi; atau - Tidak (T) - Ambil perhatian tanpa perlu tindakan tambahan sekiranya sudah ada kawalan sediaada di dalam proses.

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 7 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti risiko di dalam proses yang boleh memberi kesan kepada penyampaian perkhidmatan dan menguruskan risiko dengan sistematik dan berkesan.

2.0 SKOP


Prosedur ini digunakan oleh semua Bahagian untuk menguruskan risiko di dalam pelaksanaan sistem pengurusan kualiti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia Selangor).

3.0 STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO

3.1 Model Pengurusan Risiko

Model pengurusan risiko yang diaplikasi dalam menganalisis risiko Jabatan adalah menggunakan standard AS/NZ 4360. Standard ini dipilih kerana ianya sesuai dengan struktur dan operasi Jabatan.

Rajah 1: Model Pengurusan Risiko




JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 8 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

3.2 Jawatankuasa Pengurusan Risiko Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia Selangor)

Bagi melaksanakan tanggungjawab pengurusan risiko Jabatan dengan berkesan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia Selangor) telah ditubuhkan seperti berikut:

Rajah 2:
Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko PLANMalaysia Selangor



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 9 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

3.3 Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa

Peranan dan tanggungjawab pelaksanaan pengurusan risiko Jabatan dilaksanakan oleh ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Jabatan yang dilantik seperti berikut:

a) Peranan *Chief Risk Officer (CRiO)*

- i. Memantau dan menyelia pengurusan risiko Jabatan;
- ii. Meluluskan dan mengesahkan pengurusan risiko Jabatan;
- iii. Meluluskan penambahbaikan pengurusan risiko jabatan melalui kajian semula mengikut keperluan;
- iv. Memantau dan merancang halatuju pengurusan risiko Jabatan; dan
- iv. Memastikan integrasi pengurusan risiko Jabatan dalam perancangan strategik Jabatan.

b) Peranan *Risk Champion (RC)*

- i. Mewakili dan mengetuai Bahagian masing-masing dalam memantau, menyelaraskan, mengawal dan menangani pengurusan risiko di peringkat Bahagian;
- ii. Meneliti dan melaporkan cadangan penambahbaikan pengurusan risiko Bahagian kepada CRiO;
- iii. Mengesahkan dan meluluskan semua pengurusan risiko di peringkat Bahagian untuk diangkat kepada pengurusan atasan;
- iv. Memantau dan mengemukakan cadangan penambahbaikan pengurusan risiko kepada CRiO; dan
- v. Mengambil tindakan menangani risiko yang telah diputuskan di peringkat Jabatan.

c) Peranan *Risk Officers (RO)*

- i. Mengenalpasti aktiviti berisiko yang dihadapi oleh Bahagian;
- ii. Menilai, menganalisa, mengklasifikasi dan mengenalpasti impak risiko Bahagian;
- iii. Membangun, mengemaskini dan memantau Daftar Risiko Bahagian supaya sentiasa lengkap dan terkini;
- iv. Mewakili dan mengetuai Bahagian masing-masing untuk menangani dan mengawal risiko di peringkat Bahagian;
- v. Mencadangkan kepada Risk Champion perkara-perkara yang berkaitan dengan tindakan menangani risiko Bahagian; dan
- vi. Melaksanakan tindakan penambahbaikan yang dikenalpasti dan melapor status pelaksanaan kepada Risk Champion Bahagian.

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 10 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

d) Peranan Urus setia

Urusetia berperanan membantu CRiO dalam aktiviti pengurusan risiko Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia Selangor). Di samping itu, urusetia juga terlibat dalam:

- i. Mengumpul, menyelaras, menyusun dan menyimpan daftar risiko yang disediakan oleh RC;
- ii. Membantu CRiO dalam pemantauan tindakan pencegahan dan mitigasi risiko yang telah diluluskan bagi tujuan pelaporan kepada Pengarah;
- iii. Merangka dan melaksanakan progam kesedaran dan latihan bagi meningkatkan kefahaman mengenai pengurusan risiko di kalangan ahli jawatankuasa dan urusetia yang berperanan membantu CRiO dalam aktiviti pengurusan risiko PLANMalaysia Selangor; dan
- iv. Merancang dan memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko diadakan dua (2) kali setahun sebagai pemantauan terhadap keberkesanan Pelan Pengurusan Risiko.

4.0 PERINCIAN PROSES DAN RANGKA KERJA

Tanggungjawab	Proses	➤Dokumen Rujukan
		❖Rekod Kualiti
	1.0 PELANTIKAN JAWATANKUASA	
P	1.1 Melantik Jawatankuasa Pengurusan Risiko Jabatan dan kenalpasti CRiO yang akan bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan risiko Jabatan.	❖ Memo / Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 11 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

	2.0 PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO	
CRiO	2.1. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi tujuan penetapan konteks pelaksanaan pengurusan risiko yang merangkumi proses/aktiviti berikut:- a. Menyelaras pelaksanaan Pengurusan Risiko berdasarkan: i. Model Pengurusan Risiko JPBD Selangor; dan ii. Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko. b. Mengkaji persekitaran operasi Jabatan dan keupayaannya untuk mengatasi risiko-risiko utama yang berkaitan dengan pencapaian objektif; c. Menganalisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman Jabatan; d. Mengenalpasti <i>stakeholders</i> yang berkaitan dan had penerimaan risiko; e. Menentukan konteks risiko dengan merujuk kepada objektif kualiti di Manual Kualiti; dan f. Menyemak status semasa pengurusan risiko Jabatan.	➤ JPBD.Sel./MK ❖ Minit Mesyuarat JPR ➤ JPBD.Sel./PU/05-3.1 ➤ JPBD.Sel./PU/05-3.3
PPR/Urusetia	2.2. Menyediakan memo arahan kepada semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk melaksanakan pengurusan risiko Bahagian/Jabatan.	❖ Memo

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 12 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN : 7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

RC	2.3 Terima arahan melaksanakan pengurusan risiko di Bahagian masing-masing berdasarkan:- a. Model Pengurusan Risiko JPBD Selangor Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko. b. Carta Alir Pengendalian Pengurusan Risiko c. Format Daftar Risiko	➤ JPBD.Sel./PU/05 ➤ JPBD.Sel./PU/05-3.1 ➤ JPBD.Sel./PU/05-3.3 ➤ JPBD.Sel./PU/05-5.0 ➤ JPBD.Sel./PU/05-L4
-----------	---	--

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 13 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

Tanggungjawab	Proses	➤Dokumen Rujukan
		❖Rekod Kualiti
	3.0 PENILAIAN RISIKO	
RC	<u>Peringkat Mengenalpasti Risiko</u> 3.1 Mengadakan mesyuarat / perbincangan di Bahagian bagi mengenal pasti punca dan kesan risiko . Tahap kebarangkalian risiko boleh ditetapkan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada:- a. Percambahan fikiran; b. Hasil audit; c. Laporan insiden / Maklumbalas/ Aduan Pelanggan; d. Soal selidik; dan e. Cadangan daripada pihak pengurusan.	➤ Minit Mesyuarat Bahagian
	3.2 Risiko juga dikenal pasti dengan mengambil kira faktor-faktor berikut: - a. Isu dalaman dan luaran; b. Tidak mencapai objektif kualiti; dan c. Tidak memenuhi fungsi proses	❖ Daftar Risiko Bahagian
	<u>Peringkat Menganalisis Risiko</u> 3.3 Menentukan kawalan risiko sediada telah dilaksanakan. Contoh kawalan termasuk: a. Pemeriksaan ke atas proses secara berkala; b. Pemeriksaan ke atas dokumen / rekod / laporan; c. Pemeriksaan oleh pegawai yang kompeten; d. Penentuan <i>software</i> / data; dan e. Taklimat atau Latihan	

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 14 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

Tanggungjawab	Proses				➤Dokumen Rujukan								
					❖Rekod Kualiti								
	3.4 Menganalisis Daftar Risiko Bahagian/Jabatan iaitu - a. Perbandingan bilangan risiko b. Perbandingan tahap risiko c. Strategi rawatan/kawalan d. Tindakan rawatan/kawalan e. Keberkesanan tindakan rawatan/kawalan				❖ Daftar Risiko Bahagian/Jabatan								
RC/RO	3.5 Menilai risiko berdasarkan tahap risiko dan tahap penerimaan mengikut formula berikut:												
	<table><tr><td>Skala Kebarangkalian</td><td>Skala Impak</td><td>Tahap Risiko</td><td>Keutamaan Risiko</td></tr><tr><td>(F)</td><td>(I)</td><td>(F) x (I)</td><td>Ya / Tidak</td></tr></table>				Skala Kebarangkalian	Skala Impak	Tahap Risiko	Keutamaan Risiko	(F)	(I)	(F) x (I)	Ya / Tidak	➤JPBD.Sel./PU/06-L1 ➤JPBD.Sel./PU/06-L2 ➤JPBD.Sel./PU/06-L3
	Skala Kebarangkalian	Skala Impak	Tahap Risiko	Keutamaan Risiko									
	(F)	(I)	(F) x (I)	Ya / Tidak									
	Nota:												
a. (F) = Indeks Skala Kebarangkalian 1-5 untuk menilai kebarangkalian risiko berlaku													
b. (I) = Indeks Skala Impak skala 1-5 untuk menilai impak sekiranya risiko berlaku													
	c. Indeks Skala Keutamaan Risiko = Indeks skala 1-25 bagi menentukan risiko mana yang perlu diberi keutamaan atau diberi perhatian.												
	3.6 Memastikan setiap risiko dikategorikan berdasarkan Matriks Skala Keutamaan Risiko				➤JPBD.Sel./PU/06-L3								

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 15 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

Tanggungjawab	Proses	➤Dokumen Rujukan
		❖Rekod Kualiti
	3.7 Menentukan tahap penerimaan risiko dengan mengambilkira kawalan sedia ada berdasarkan skala tahap risiko seperti berikut: a. Risiko BOLEH diterima (Skala Tahap Risiko 1 - 8) b. Risiko TIDAK BOLEH diterima (Skala Tahap Risiko 9 - 25)	➤JPBD.Sel./PU/06-L3
RO	3.8 Merekodkan hasil Pengenalpastian Risiko dan Analisis Risiko di dalam Daftar Risiko Bahagian menggunakan format Daftar Risiko.	➤JPBD.Sel./PU/05-L4 ❖ Daftar Risiko Bahagian
RC	3.9 Mengesahkan senarai risiko dan dimasukkan ke dalam Daftar Risiko Bahagian. 3.10 Penyediaan Laporan Keberkesanan Kawalan Risiko Bahagian.	➤JPBD.Sel./PU/05-L4 ❖ Daftar Risiko Bahagian
	4.0 PENGAWALAN / RAWATAN RISIKO	
RC	4.1 Bagi risiko yang TIDAK BOLEH diterima (risiko tinggi dan sangat tinggi), RC perlu tetapkan strategi pengawalan atau rawatan sama ada: - a. Mengelak Risiko (Avoid) – Tidak mengambil/meneruskan aktiviti tersebut; b. Memindah Risiko (Transfer) – libatkan pihak lain atau kongsi risiko secara keseluruhan/sebahagian risiko melalui kaedah outsource /kontrak/insuran/MOU/ usahasama; c. Menerima Risiko (Accept) – risiko yang dikenalpasti boleh diterima dan tiada keperluan tindakan rawatan dibuat. Namun pemantauan amat digalakkan. d. Mengurangkan Risiko (Reduce) – kurangkan risiko dengan latihan, pengujian, kawalan, perbaiki sistem pengurusan.	

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 16 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

Tanggungjawab	Proses	➤Dokumen Rujukan
		❖Rekod Kualiti
RC	4.2 Bentangkan risiko TIDAK BOLEH diterima ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk pengesahan/penerimaan.	❖ Minit Mesyuarat JPR
	4.3 Rawat risiko dengan tetapkan tempoh pelaksanaan rawatan/ kawalan risiko tinggi dengan kadar segera beserta jadual perancangan tindakan.	
	4.4 Tentukan pegawai bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan tindakan rawatan atau kawalan tambahan yang telah dikenalpasti.	
	4.5 Pembentangan RISIKO TINGGI dan SANGAT TINGGI ke Mesyuarat Pagi/ Mesyuarat Pengurusan.	❖ Minit Mesyuarat Pagi/ Pengurusan
	5.0 PENILAIAN SEMULA	
CRiO	5.1 Mengarahkan Urusetia memantau daftar risiko dan pelan tindakan kawalan risiko secara berterusan bagi memastikan risiko Jabatan sentiasa dikemaskini; sebelum, semasa dan selepas sesuatu risiko itu berlaku.	➤JPBD.Sel./PU/05
PPR/Urusetia	5.2 Mengarahkan RC melaksanakan kaedah pemantauan dan pengawalan risiko seperti berikut: a. Penilaian semula tahap risiko secara berkala untuk mengenalpasti risiko baharu; b. Audit Risiko (Memeriksa keberkesanan tindak balas risiko); dan c. Tren analisis (Memantau keseluruhan prestasi.	❖ Memo
	5.3 Melaporkan perkara dalam 5.2 ke dalam mesyuarat MKSP / Mesyuarat Pengurusan Jabatan.	Minit Mesyuarat MKSP/ Mesyuarat Pengurusan Jabatan

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 17 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

	5.4 Menyelaras, mengumpul, menyusun dan merekod semua maklumat pelaksanaan pengurusan risiko Bahagian ke dalam Daftar Risiko Jabatan. 5.5 Rekod Daftar Risiko Jabatan disimpan mengikut prosedur kawalan rekod.	❖ Daftar Risiko Jabatan
	6.0 KOMUNIKASI DAN RUNDINGAN	
CRiO	6.1 Mengarahkan Urus setia / Ketua Bahagian melaksanakan aktiviti komunikasi seperti berikut: a. Taklimat / perbincangan bagi meningkatkan Kesedaran Pengurusan Risiko (1 kali/ tahun); dan b. Pemakluman pembudayaan pengurusan risiko melalui media yang bersesuaian (sepanjang setahun)	❖ Perhimpunan Bulanan/ Mesyuarat Bahagian/ Mesyuarat Pengurusan Jabatan
	6.2 Melaksanakan aktiviti komunikasi dan rundingan melalui Mesyuarat Bahagian dan Mesyuarat Pengurusan Jabatan berkaitan pemakluman status pengurusan risiko masing-masing serta pelaporan penyelarasan ke atas 10 risiko yang dikategorikan <i>high</i> dan <i>extreme</i>	

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 18 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

5.0 REKOD KUALITI


BIL	JENIS REKOD	LOKASI	TEMPOH SIMPANAN	LAMPIRAN
1.	Daftar Risiko	Bahagian Berkenaan dan Unit Kualiti, Penyelarasan dan Keurusetiaan, BK	3 tahun	
2.	Minit Mesyuarat Bahagian (yang melibatkan pelaporan berkaitan risiko)	Bahagian / Ketua Unit	3 tahun	
3.	Minit Mesyuarat Pengurusan (yang melibatkan pelaporan berkaitan risiko)	Bahagian / Ketua Unit	3 tahun	
4.	Rekod – rekod pelaksanaan	Bahagian / Ketua Unit	3 tahun	

6.0 DOKUMEN RUJUKAN

- 6.1 Malaysian Standard MS ISO 9001:2015
Klausa 6.1 - Tindakan untuk menangani risiko dan peluang.
- 6.2 Manual Kualiti
JPBD(C)/MK – 01 - Manual Kualiti – Klausa 6.1
- 6.3 Prosedur Kualiti
JPBD(C)/PU/04 - Tindakan Pembetulan

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 19 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

7.0 CARTA ALIR PROSES PENYEDIAAN



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 20 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

JPBD.Sel./PU/05-L1

SKALA KEBARANGKALIAN

Jadual 1: Skala Kebarangkalian

SKALA	KEBARANGKALIAN
5	Hampir Pasti : berkemungkinan berlaku setiap bulan *ATAU 100% berkemungkinan berlaku
4	Kemungkinan Tinggi : berkemungkinan berlaku sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan *ATAU 75% berkemungkinan berlaku
3	Berkemungkinan : berkemungkinan berlaku sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan *ATAU 50% berkemungkinan berlaku
2	Kemungkinan Rendah: berkemungkinan berlaku sekurang-kurangnya sekali dalam setahun *ATAU 25% berkemungkinan berlaku
1	Jarang: kemungkinan berlaku sekali dalam tempoh lebih setahun *ATAU Hampir tidak berkemungkinan berlaku

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLANMalaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 21 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

JPBD.Sel./PU/05-L2

SKALA IMPAK

Jadual 2: Skala Impak

SKALA	IMPAK
5	Sangat Besar : - Pelanggaran (implikasi) Undang-undang atau - Tindakan Undang-Undang diambil oleh pihak berkuasa (siasatan, dakwaan dan lain-lain) - Kecacatan Kekal atau Kemalangan jiwa
4	Besar : - Pelanggaran keperluan Pekeliling, Arahan dsb. atau - Menjejaskan reputasi organisasi atau - Aduan Pelanggan atau - Pelanggaran keperluan pelanggan atau - Kesan ketara kepada kewangan atau - Kegagalan kepada pencapaian Objektif Kualiti
3	Sederhana : - Memberi kesan kepada tahap kepuasan pelanggan atau - Memberi kesan kepada pencapaian Objektif Kualiti atau - Menjejaskan operasi harian
2	Kecil : - Kesan minimum yang sedikit menjejaskan produk / perkhidmatan, pencapaian objektif kualiti atau operasi harian
1	Sangat Kecil : - Tidak memberi sebarang kesan

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR PLAN Malaysia Selangor	PROSEDUR KUALITI UMUM		MUKA SURAT : 22 dari 23
	PENGURUSAN RISIKO		
	JPBD.Sel./PU/05	NO KELUARAN :7	TARIKH KUATKUASA : 10.3.2025

JPBD.Sel./PU/05-L3

SKALA KEUTAMAAN RISIKO

Jadual 3: Skala Keutamaan Risiko

		IMPAK				
		5	4	3	2	1
KEBARANGKALIAN	5	25	20	15	10	5
	4	20	16	12	8	4
	3	15	12	9	6	3
	2	10	8	6	4	2
	1	5	4	3	2	1

Petunjuk:

TAHAP RISIKO	FAKTOR RISIKO	KETERANGAN	SIGNIFIKAN
SANGAT TINGGI	16 – 25	Risiko Sangat Tinggi - Perlu diberi keutamaan dan tindakan serta-merta. - Perlu Kawalan Tambahan	Ya
TINGGI	9 - 15	Risiko Tinggi - Perlu diambil tindakan - Perlu Kawalan Tambahan	Ya
SEDERHANA	5 - 8	Risiko Sederhana - Perlu ambil tindakan sekiranya masih belum ada kawalan sediada di dalam proses atau kawalan masih belum mencukupi; - Ambil perhatian tanpa perlu tindakan tambahan sekiranya sudah ada kawalan sediada di dalam proses.	Ya Tidak
RENDAH	1 - 4	Risiko Rendah - Ambil perhatian tanpa perlu tindakan. Kawalan sediada mencukupi.	Tidak

